

FPP BizNewz

Jan - May 2023

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

BUKIT MERAH
"THE RED FOREST"
PERMATA TERSEMBUNYI DI JERANTUT

TOXIC FRIENDSHIP
WHEN IT'S TIME TO LET GO

GRADUATES
WHO ARE THE URBAN POOR

ARROWS OF THE FAITHFUL
THE IMPORTANCE OF ARCHERY IN ISLAM

**TWIN-TO-TWIN TRANSFUSION
SYNDROME (TTTS)**



Publication Date
1 June 2023

MENU RAHMAH VS JUADAH KAYANGAN



Menu Rahmah VS Juadah Kayangan

Oleh:

DR. NOORHAYATI YUSOF ALI

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu
Emel Koresponden: noorhayatiy@uitm.edu.my



Ramadhan yang bakal tiba tidak lama lagi akan disambut dengan pelbagai perasaan oleh setiap lapisan masyarakat beragama Islam di negara ini. Keterujaan dan kegembiraan pasti terukir di wajah mereka kerana bulan mulia bagi umat Islam kali ini bakal disambut dengan lebih bermakna setelah lebih tiga tahun negara dilanda wabak Covid 19. Kebebasan untuk beribadah di rumah Allah tanpa Perintah

Kawalan Pergerakan dan seumpamanya menambah keterujaan umat Islam untuk mempertingkatkan lagi amal ibadah di bulan yang penuh keberkatan ini.

Jika diimbau kembali Ramadhan beberapa tahun yang lalu, suasana suram menyelubungi perasaan apabila Allah menurunkan musibah Covid 19 untuk menguji hambaNya dengan melihat siapa yang bersyukur dan siapa pula yang kufur, siapa yang bersabar dan siapa pula yang

putus asa. Akibat wabak ini krisis ekonomi tercetus di seluruh dunia. Kesannya, ekonomi Malaysia menguncup pada kadar 5 hingga 6 peratus pada fasa pandemik. Penguncupan pertumbuhan ekonomi menyebabkan peningkatan dalam bilangan kemiskinan tegar, sebilangan besar isi rumah M40 tergelincir ke dalam kategori B40, peningkatan dalam jurang pendapatan, penurunan kadar gaji, pengurangan gaji siswazah, peningkatan kadar pengangguran siswazah, hutang isi rumah semakin tinggi dan kos sara hidup semakin meningkat.

Ekoran daripada itu, pelbagai langkah proaktif telah diambil oleh kerajaan bagi menjaga kebajikan setiap lapisan masyarakat dalam menghadapi cabaran ekonomi yang semakin meruncing. Kerajaan melancarkan program hidangan Menu Rahmah, yang bertujuan khusus untuk membantu golongan miskin tegar dengan menyediakan hidangan makan tengah hari atau makan malam pada harga yang sangat berpatutan. Setakat ini, inisiatif itu mendapat sambutan yang menggalakkan dan orang ramai secara umumnya memuji ia sebagai satu usaha

Nama Tempat	Alamat	Harga Dewasa (RM)	Harga Kanak-kanak (RM)
Sheraton Petaling Jaya Hotel	Lorong Utara C, Pj 32, 46300 Petaling Jaya, Selangor	148.00 (Feast) 118.00 (Grand Ballroom)	74.00 (Feast) 59.00 (Grand Ballroom)
Royal Chulan Kuala Lumpur	5, Jalan Conlay, Kuala Lumpur, 50450 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	200	140
Element Kuala Lumpur	DB Tower, 8, Lrg Benja, Kuala Lumpur, 50450 Kuala Lumpur, Federal Territory of Kuala Lumpur	158	84
Pullman Kuala Lumpur City Centre	4, Jalan Conlay, Kuala Lumpur, 50450 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	298	119
Sama-Sama Hotels	Jalan Da 4b, Kuala Lumpur International Airport, 64000 Sepang, Selangor	135	78
Sheraton Imperial Kuala Lumpur Hotel	Jln Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	197	
The Westin Kuala Lumpur	199, Jln Bukit Bintang, Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	138	
Le Meridien Kuala Lumpur	2, Jalan Stesen Sentral, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	138.00/208.00	99
Novotel Kuala Lumpur City Centre	2, Jalan Kia Peng, Kuala Lumpur, 50450 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	138	82.8
Flamingo Hotel Kuala Lumpur	1, Tanjong, Jln Hulu Kelang, 68000 Ampang Jaya, Selangor	85	75
Hotel Maya Kuala Lumpur	138, Jalan Ampang, Kampung Baru, 50450 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	120.00 (Citrus & Saffron) 95.00 (Secret Garden)	58.00 (Citrus & Saffron) 65.00 (Secret Garden)
Tamu Hotel & Suites	120, Jalan Raja Abdullah, Kampung Baru, 50300 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	168	85
Dorsett Hartamas Kuala Lumpur	Malay Dataran, D-G43, No. 63, Jalan Tu Hartamas 1, Sri Hartamas, 50480 Kuala Lumpur, Federal Territory of Kuala Lumpur	138	68
St. Regis Kuala Lumpur	No 6, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Federal Territory of Kuala Lumpur	259	130
Premiera Hotel Kuala Lumpur	232, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Chow Kit, 50100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	128	64
Pullman Kuala Lumpur Bangsar	1, Jalan Pantai Baharu, Jaya Tower 3, 59200 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	138	98
Rejaya Tower Square Hotel	Kuala Lumpur	165	82

Jadual 1: Senarai Buffet Ramadhan 2023 di Kuala Lumpur
Sumber: <https://isaf.my/buffet-ramadhan/>

yang tepat pada masa, terutamanya dengan peningkatan kos sara hidup yang amat membebankan pada masa kini.

Inisiatif Menu Rahmah telah dilancarkan secara rasmi oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada 31 Januari, 2023, di mana restoran yang mengambil bahagian akan menyediakan set makan tengah hari atau makan malam pada harga tetap mampu milik RM5. Ia disasarkan terutamanya kepada golongan berpendapatan B40 dan golongan miskin tegar, dengan tujuan untuk menyediakan makanan yang mencukupi. Sehingga kini, bilangan restoran yang mengambil bahagian telah berkembang termasuk kira-kira 12,000 restoran mamak, 800 restoran India, 500 gerai tomyam, dan semua cawangan Mydin. Inisiatif Menu Rahmah merupakan inisiatif sifar bajet dan semua kos untuk program ini ditanggung oleh persatuan yang mengambil bahagian dari sektor runcit serta sektor makanan dan minuman atau lebih dikenali sebagai Food and Beverage (F&B) tanpa subsidi daripada kerajaan.

Menu Rahmah bukanlah semata-mata merupakan inisiatif baharu. Semangatnya sama dengan program Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M) sebelum ini yang diperkenalkan pada tahun 2011 yang turut berusaha untuk menawarkan makanan mampu milik kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Dalam konteks, program MR1M membenarkan rakyat Malaysia membeli makanan pada harga serendah RM2, tetapi akhirnya ia tidak disenangi oleh ramai pengendali F&B yang mengambil bahagian kerana ia tidak mampan dari segi kewangan. Ini terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga bahan mentah dan harga bahan api yang turun naik. Pengusaha F&B yang menyertai program MR1M juga tidak menerima insentif lambakan daripada kerajaan.

Ketika golongan miskin berjuang untuk sesuap nasi, hotel-hotel dan restoran mewah pula masing-masing merempit

mempromosikan bufet mewah berlaraf 5 bintang untuk golongan kaya. Walaupun Ramadhan belum tiba, golongan ini sudah boleh menempah bufet untuk sesi berbuka puasa sepanjang Ramadhan nanti. Menurut ahli agama, amalan berbuka puasa di hotel dan restoran mewah yang merupakan satu trend baru bagi warga kota merupakan satu pembaziran yang bercanggah dengan syarak. Malah, Mufti Perlis Prof. Madya Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri Zainul Abidin dalam kenyataannya berkata, jika seseorang itu berbuka puasa di hotel dengan tujuan untuk kemegahan dan menunjuk-nunjuk, ia diharamkan. Manakala tokoh agama Allahyarham Datuk Abu Hassan Din al-Hafiz berkata "Bagi golongan berkemampuan yang selalu berbuka di hotel dan restoran mewah, ia bercanggah dengan syarak kerana tuntutan puasa ialah untuk menimbulkan keinsafan dan merasai nikmat kesusahan". Umat Islam seharusnya mengelakkan pembaziran kerana pembaziran adalah maksiat, ia boleh berlaku sama ada berbuka di hotel ataupun di rumah.

Di saat golongan marhaen sedang bergelut dengan isu harga barang naik dan isu makanan mampu makan, ada beribu lagi yang mampu menikmati makanan dan hidangan 'mewah'. Bagai pesta syurga makanan yang hanya mampu dilihat oleh golongan bawahan, promosi bufet Ramadhan oleh hotel sekitar Kuala Lumpur pasti memukau nafsu. Namun begitu, prinsip paling penting dalam menjalani ibadah puasa adalah bersederhana. Maka tepuk dada tanyalah selera, jangan sampai kita tergolong di antara mereka yang berpuasa dan tidak mendapat apa-apa daripada puasanya kecuali lapar dan dahaga.

...

Referensi:

<https://www.bharian.com.my/kolunnis/2021/10/876712/10-sa-pemuliharaan-negara-perlukan-strategi-hreat-ik-menyalunih>

<https://www.wildimpact.com/menu-rahmah-list-of-participating-fb-operators-vendors-nationwide/>

<https://atriactor.biopspot.com/2007/09/berbuka-puasa-di-hotel-langgansyarak.html>



BizNewz 2023
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com